

Analisis Kontrasif Strategi Penterjemahan *Harf al-Jar* dalam Kisah Ibnu Yaqzan

Contrastive Analysis of the Translation Strategies of *Harf al-Jar* in the Story of Ibn Yaqzan

Siti Zubaidah Zulkifli¹, Nurazan Mohamad Rouyan²

¹ & ² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

¹ sitizubaidah957.sz@gmail.com

² nurazan@unisza.edu.my

Article history:

Received: 21 December 2022

Accepted: 24 December 2022

Published: 1 March 2023

Abstract

Bidang penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu semakin mendapat tempat dalam kalangan para penterjemah dan penuntut bahasa Arab pada masa kini. Malah, kajian berkaitan bidang penterjemahan Arab-Melayu banyak dikaji dalam pelbagai cabang linguistik namun kajian berkaitan analisis kontrasif strategi penterjemahan Arab-Melayu masih belum dikaji oleh pengkaji lepas, lebih-lebih lagi kajian yang melibatkan penterjemahan *harf al-jar*. Masalah utama penterjemahan *harf al-jar* ke bahasa Melayu berpunca daripada ketidakmampuan penterjemah dan pelajar bahasa Arab dalam menghasilkan padanan *harf al-jar* yang tepat dan masih keliru makna *harf al-jar* yang manakah sesuai dalam terjemahan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan aspek penterjemahan *harf al-jar* yang baik melalui padanan *harf al-jar* ke bahasa Melayu dalam terjemahan Arab-Melayu novel Ibnu Yaqzan. Selain itu, kajian ini turut mengenali strategi penterjemahan yang digunakan dalam analisis kontrasif penterjemahan *harf al-jar* dengan kata sendi nama bahasa Melayu dalam novel tersebut. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kontrasif dan deskriptif strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam kisah Ibnu Yaqzan. Dapatan kajian menyarankan bahawa *harf al-jar* yang ada dalam kisah Ibnu Yaqzan tidak boleh diterjemahkan secara literal, malah diterjemah mengikut makna berdasarkan kesesuaian ayat yang dimaksudkan oleh pengarang. Selain itu, penterjemahan makna *harf al-jar* dalam kisah ini menggunakan strategi penterjemahan seperti strategi komunikatif, strategi dinamik dan teori relevan. Sehubungan itu, makalah ini mencadangkan agar analisis kontrasif penterjemahan *harf al-jar* diberi perhatian dan diketengahkan kepada para penterjemah dan pelajar bahasa Arab agar mereka tidak keliru dalam menterjemahkan *harf al-jar*. Aspek penterjemahan *harf al-jar* yang dipersembahkan dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pelajar dan penterjemah Arab-Melayu.

Kata kunci: Analisis kontrasif, strategi terjemahan, *harf al-jar*

Abstract

The field of translating Arabic into Malay is gaining ground among translators and students of Arabic today. In fact, studies related to the field of Arabic-Malay translation have been extensively studied in various linguistic branches, but studies related to the contrastive analysis of Arabic-Malay translation strategies have not yet been studied by past researchers, especially studies involving the translation of *harf al-jar*. The main problem with the translation of *harf al-jar* into the Malay language stems from the inability of translators and Arabic students to produce an accurate match of *harf al-jar* and still confused about the appropriate meaning of *harf al-jar* in the Malay translation. Therefore, this paper aims to highlight aspects of the good translation of *harf al-jar* through the matching of *harf al-jar* to the Malay language in the Arabic-Malay translation of Ibnu Yaqzan's novel. In addition, this study also identifies the translation strategy used in the contrastive analysis of the translation of the *harf al-jar* with the conjunction of Malay nouns in the novel. This study was conducted using a qualitative method through contrastive and descriptive analysis of the translation strategy of *harf al-jar* in the story of Ibnu Yaqzan. The research findings suggest that the *harf al-jar* in Ibnu Yaqzan's story cannot be translated literally, but rather translated according to the meaning based on the appropriateness of the verse intended by the author. In addition, the translation of the meaning of the word *harf al-jar* in this story uses translation strategies such as communication strategies, dynamic strategies and relevant theories. Ac-

cordingly, this paper suggests that the contrastive analysis of the translation of the *harf al-jar* should be given attention and highlighted to translators and students of Arabic so that they do not get confused in translating the *harf al-jar*. The translation aspects of *harf al-jar* presented in this study can be used as a guide and reference for Arabic-Malay students and translators.

Keywords: *Contrastive analysis, translation strategy, harf al-jar*

Pengenalan

Pada kurun ke-13 Masihi, kajian telah menunjukkan perkembangan bidang penterjemahan Arab-Melayu semakin berkembang dan pada ketika itu bahasa Arab telah dijadikan sebagai bahasa kedua (Azman, 2018). Kemudian, perkembangan bidang penterjemahan sehingga hari ini telah membuktikan bahawa penterjemahan Arab-Melayu telah berkembang meluas dengan pelbagai topik kajian (Idris, 2019). Dalam pada itu, bidang penterjemahan bukan sahaja bertindak sebagai pengantara bahasa sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain malah melibatkan pengantara antara dua budaya, bidang kesusasteraan dan banyak lagi yang dapat diatasi melalui penterjemahan (Juliane, 2009).

Selanjutnya, kajian ini turut menumpukan kepada analisis kontrastif (*contrastive analysis*) yang bertujuan menganalisis persamaan dan perbezaan yang wujud antara bahasa Arab dan bahasa Melayu walaupun kedua-dua bahasa tersebut berlainan rumpun bahasa (Azman 2003:1), (Hafizuddin et al., 2019). Sehubungan dengan itu, kelemahan pelajar dalam menguasai *nahu* Arab khususnya *harf al-jar* dapat di atasi dengan mengurangkan kekeliruan ketika menterjemahkan *harf al-jar* (Abdul Aziz, 1998),(Luqman, 2017). Dalam kajian ini pengkaji membuat analisis kontrastif strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu.

Hubungan penterjemahan dengan strategi penterjemahan saling berkait rapat dalam bidang ini. Oleh sebab itu, strategi penterjemahan memainkan peranan penting dalam menjadikan sesuatu teks bahasa sasaran mudah di fahami oleh para pembaca. Selain itu, strategi penterjemahan perlu dikuasai oleh para penterjemah dan pelajar bahasa dengan baik malah dapat membantu sesebuah teks menjadi lebih sistematik. Antara strategi penterjemahan yang dapat digunakan dalam menterjemah *harf al-jar* adalah strategi komunikatif, strategi dinamik, teori relevan dan banyak lagi (Luqman, 2017).

Di samping itu, pengkaji menyediakan jadual makna terjemahan *harf al-jar* dengan kata sendi nama bahasa Melayu sebelum analisis terjemahan dibentangkan dan jadual ini hanya dimasukkan *harf al-jar* yang ada dalam kisah Ibnu Yaqzan sebagai sampel kajian.

Permasalahan kajian

Permasalahan yang berlaku dalam kalangan penterjemah dan pelajar bahasa adalah mereka kurang memberi perhatian dengan baik ketika menterjemah teks mahupun ayat (Luqman, 2014). Selain itu, masalah utama

iaitu ketidakmampuan mereka dalam menghasilkan padanan *harf al-jar* yang tepat menyebabkan objektif asal pengarang menghasilkan kesalahan tatabahasa dan moral (Luqman, 2014). Hal ini demikian kerana, mereka masih keliru yang manakah makna yang sesuai dalam terjemahan bahasa Melayu dan masalah ini menyebabkan mereka sukar untuk membezakan fungsi *harf al-jar* yang sebenar dalam ayat disebabkan lemahnya penguasaan tentang fungsi *harf al-jar* dan akhirnya berlaku kesalahan dalam memahami teks Arab pelbagai genre (Ismail Muhamad & Azman 2010: 131).

Pada realitinya, permasalahan lain turut timbul dalam kalangan pelajar bahasa Arab yang mana mereka menggunakan strategi penterjemahan secara langsung dalam menterjemahkan teks bahasa Arab (Ashinida Aladdin: 2005). Hal ini demikian kerana, kesalahan ini berlaku apabila para pelajar mahupun penterjemah lebih selesa menggunakan strategi terjemahan secara langsung daripada menggunakan strategi terjemahan yang lain. Kesudahannya, mereka tidak mengetahui padanan dan perbezaan makna yang manakah sesuai dan tepat untuk diterjemahkan dalam bahasa sasaran.

Seperti permasalahan yang telah dinyatakan di atas, kajian ini memperlihatkan para pelajar bahasa Arab khususnya melakukan kesilapan semasa mempelajari dan menggunakan bahasa kedua disebabkan faktor perbezaan elemen dan struktur bahasa tersebut dengan bahasa sumber mereka (Ellis, 2004: 295). Bukan itu sahaja, menurut Johnson (2001) ada sesetengah pelajar bahasa masih kurang yakin sama ada mereka perlu melupakan terus sistem bahasa ibunda atau mereka menggunakannya semasa mempelajari bahasa kedua. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan metode analisis kontrastif adalah pendekatan yang terbaik untuk meleraikan kekeliruan dan permasalahan yang berlaku dalam penterjemahan *harf al-jar* dengan kata sendi nama bahasa Melayu.

Objektif kajian

1. Mengetengahkan aspek penterjemahan *harf al-jar* yang baik melalui persamaan dan perbezaan *harf al-jar* ke bahasa Melayu dalam terjemahan Arab-Melayu novel Ibnu Yaqzan.
2. Mengenalpasti strategi penterjemahan yang digunakan dalam analisis kontrastif penterjemahan *harf al-jar* dengan kata sendi nama bahasa Melayu dalam kisah Ibnu Yaqzan.

Tinjauan literatur

Pengkaji telah merujuk kepada beberapa kajian lepas berkaitan analisis kontrastif strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu bagi mendapatkan idea untuk pengkaji mengkaji apa yang perlu dikaji agar kajian ini dapat memberi faedah kepada para penterjemah dan pelajar bahasa Arab khususnya.

Pengkaji mendapati belum ada kajian seperti ini dijalankan oleh pengkaji lepas melainkan analisis kontrastif yang menfokuskan cabang tatabahasa yang lain misalnya kajian analisis kontrastif hubungan kata kerja transitif dan objek dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu oleh Kamarul et. al. (2014). Selain itu, Universiti Teknologi MARA, Vol. 7, No. 1, 2023

kajian oleh Hafizuddin (2019) yang membincangkan analisis persamaan dan perbezaan adjektif bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Kesemuanya hanya mengkaji tentang persamaan dan perbezaan dalam cabang tatabahasa tersebut dan tidak menfokuskan kepada analisis kontrastif strategi penterjemahan.

Namun demikian, pengkaji mendapati ada satu kajian berkenaan analisis kontrastif *harf al-jar* dan kata sendi nama dalam bahasa Inggeris oleh Hanaa (2016). Beliau bersetuju bahawa kata sendi nama bahasa Inggeris dan *harf al-jar* mempunyai beberapa terjemahan yang sama dengan maksud dan fungsi penggunaan yang jelas akan tetapi majoritinya tidak mempunyai persamaan dalam bahasa Arab namun menurutnya lagi pelajar lebih cenderung untuk menterjemah secara literal. Dalam pada itu, penerangan beliau dalam menyatakan persamaan dan perbezaan *harf al-jar* dan kata sendi nama bahasa Inggeris tidak diterangkan secara mendalam misalnya “*at, in, on*” yang mempunyai penggunaan yang tidak jelas dan kajian beliau juga tidak menerangkan dan tidak membuat perbandingan tentang strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Inggeris. Disebabkan hal itu, pengkaji tertarik untuk menjalankan kaji analisis kontrastif *harf al-jar* dalam bahasa Melayu.

Melihat kepada kesulitan yang dialami oleh pengkaji untuk meneroka kajian lepas berkaitan analisis kontrastif strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu. Pengkaji memilih kajian terjemahan preposisi Arab (*harf al-jar*) oleh Luqman et al (2014) kerana wujudnya persamaan dan perbezaan dalam menterjemahkan preposisi Arab akan tetapi hanya menggunakan pendekatan strategi komunikatif dan beliau menerangkan tidak kesemua *harf al-jar* dapat diterjemahkan secara literal melainkan dalam keadaan yang tertentu sahaja. Oleh sebab itu, pendekatan teknik analisis kontrastif ini yang akan dilakukan oleh pengkaji dengan menfokuskan lebih daripada satu strategi penterjemahan *harf al-jar*.

Selain itu, pengkaji lepas turut menyenaraikan strategi terjemahan yang boleh digunakan dalam menterjemah teks yang mengandungi *harf al-jar* berdasarkan kajian Luqman (2017). Beliau menterjemahkan makna terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa melayu berdasarkan strategi dinamik oleh Eugene Nida (1964:166), strategi komunikatif oleh Peter Newmark (1981) dan teori relevan oleh Sperber dan Wilson (1986). Sebaliknya, kajian beliau hanya mempraktikan teori terjemahan sebagai strategi untuk menterjemahkan *harf al-jar* dan kajian beliau tidak membandingkan persamaan dan perbezaan. Dengan ini, pengkaji akan menggunakan ketiga-tiga strategi penterjemahan tersebut sebagai alat untuk melihat persamaan dan perbezaan makna *harf al-jar* dalam bahasa Melayu.

Dalam pada itu, *harf al-jar* meliputi bentuk, jenis, makna dan fungsinya dalam sesuatu ayat. Menurut sarjana bahasa Arab, kesemua *harf al-jar* yang telah dirangkumkan termasuklah beberapa sub-golongan dan dinyatakan oleh Ibn Aqil (1990) bahawa jumlahnya mengandungi dua puluh jenis dan dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut huruf namun menurut (Mubāarak, 1992) membahagikan *harf al-jar* kepada tujuh belas jenis. Antaranya adalah من، الى، عن، على في، الباء، اللام، حتى، الكاف، الواو، رب، مذ

منذ، التاء (القسم) خلا، حاشاء، عدا، متى، كي، لعل

Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif melalui analisis kontrastif dan deskriptif. Pengkaji membuat analisis setiap kajian yang dilakukan melalui jurnal, artikel, prosiding, buku dan kajian ilmiah yang bersesuaian dengan tajuk dan bidang kajian ini. Dalam pada itu, pengkaji memilih sampel kajian daripada kisah Ibnu Yaqzan yang ditulis oleh Ibnu Tufail Al-Andalusi kemudian diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh Wan Rusli (2022). Kemudiannya, penganalisan data melalui kisah ini dianalisis dengan melihat persamaan dan perbezaan makna terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu berpandukan strategi terjemahan apakah yang digunakan dalam data tersebut.

Seiring dengan itu, empat bab sahaja daripada sampel kajian tersebut dipilih berpaksikan kepada bilangan *harf al-jar* yang dijumpai dalam kisah Ibnu Yaqzan dan strategi penterjemahan makna *harf al-jar* yang digunakan dalam kisah tersebut. Seterusnya, tonggak kepada perbincangan dalam kajian ini adalah hasil strategi terjemahan *harf al-jar* yang digunakan dalam penulis buku tersebut.

Keunikan novel ini menjadi pilihan pengkaji untuk dijadikan sampel kajian kerana kisahnya yang memberikan ilham menghasilkan watak Tarzan dan Mowgli pada zaman moden ini. Selain itu, kisah yang bersifat teks autentik telah ditulis oleh penulis yang hidup pada kurun ke 11 Masihi. Dalam pada itu, kisah ini mengandungi banyak *harf al-jar* di dalam ayat dan bahasa yang mudah dipelajari seterusnya diterjemahkan ke dalam dwibahasa memudahkan para pembaca khususnya pelajar bahasa Arab untuk memahami teks kisah ini.

Dapatan kajian

Analisis kontrastif strategi penterjemahan *harf al-jar*

Dapatan analisis ini memaparkan pengkaji hanya memilih sebanyak 16 ayat yang mengandungi *harf al-jar* dalam novel Ibnu Yaqzan. Hal ini demikian kerana, *harf al-jar* yang terdapat dalam novel tersebut tidak mempunyai kesemuanya dan kebanyakan *harf al-jar* berulang dalam setiap bab. Penjelasan mengenai aspek persamaan dan perbezaan makna penterjemahan *harf al-jar* dengan menggunakan strategi terjemahan seperti dinamik komunikatif dan teori relevan ditunjukkan dalam jadual seperti di bawah:-

Siti Zubaidah Zulkifli & Nurazan Mohamad Rouyan
Analisis Kontrastif Strategi Penterjemahan *Harf al-Jar* dalam Kisah Ibnu Yaqzan

Harf al-jar	Contoh Ayat	Makna harf al-jar	Analisis kontrastif
من	1. ذكر سلفنا الصالح أن هناك جزيرة <u>من</u> جزائر الهند متسعة. (m/s 6: baris 1)	Permulaan, setengah, keterangan, dari, daripada, dari masa, dari semenjak.	X
في	2. ورزقته <u>في</u> ظلمات الأحشاء. (m/s 8: baris 13)	Di dalam, ke dalam, pada waktu, di, kepada, atas, antara, serta, sementara, kali, ke, dari.	J
حتى	3. تكلفت به <u>حتى</u> تم واستوى. (m/s 8: baris 14)	Sehingga, sampai	J
ب	4. فصادف ذلك جري الماء <u>ب</u> قوة المد. (m/s 8: baris 18)	Dengan, kerana, didalam, mengambil, berpegang dengan, dengannya, bersamanya, dengan sebab.	X
إلى	5. فأدخله الماء <u>إلى</u> أجمة ملتفة الشجر. (m/s 8: baris 20&21)	Sehingga, untuk, pergi, kepada, sampai, sama, serta, sehingga, ke.	J

Jadual 1: Bab 1, Hati Ibu

Harf al-jar	Contoh Ayat	Makna harf al-jar	Analisis kontrastif
في	1. فوقع صوته <u>في</u> أذن طيبة فقد طلاها. (m/s 10: baris 30)	Di dalam, ke dalam, pada waktu, di, kepada, atas, antara, serta, sementara, kali, ke, dari.	J
عن	2. وما زالت تتعده وتربيه وتدفع <u>عنه</u> الأذى. (m/s 10: baris 35&36)	Daripada, dari, kerana, kepada, tidak berapa lama, tentang.	J
على	3. فما زال الطفل مع الأطباء <u>على</u> تلك الحال. (m/s 12: baris 52)	Atas, kerana, di atas, bersama, daripada, namun, dengan, ketika, terhadap, tetapi.	X
ل	4. وأكثر ما كانت محاكاته <u>ل</u> أصوات الأطباء في الاستصراخ. (m/s 14: baris 56)	Kerana, supaya, hak, khusus, milik, sebab, di atas, pada, tentang, pertukaran, sumpah taajub, kagum, kata kerja.	X
إلى	5. يرجع <u>إلى</u> نفسه فيرى ما به من العري. (m/s 14: baris 64)	Sehingga, untuk, pergi, kepada, sampai, sama, serta, sehingga, ke.	X

Jadual 2: Bab 2, Rusa Betina Kehilangan Anak

Harf al-jar	Contoh Ayat	Makna harf al-jar	Analisis kontrastif
من	1. كان يرى أترابه <u>من</u> أولاد الأطباء قد نبئت لها قرون بعد أن لم تكن. (m/s 16: baris 68&69)	Permulaan, setengah, keterangan, dari, daripada, dari masa, dari semenjak.	X
في	2. صارت قوية بعد ضعفها <u>في</u> العدو. (m/s 16: baris 69)	Di dalam, ke dalam, pada waktu, di, kepada, atas, antara, serta, sementara, kali, ke, dari.	X
إلى	3. كان ينظر <u>إلى</u> ذوي العاهات والخلق الناقص. (m/s 16: baris 71)	Sehingga, untuk, pergi, kepada, sampai, sama, serta, sehingga, ke.	X
حتى	4. فلم يلبث إلا يسيرا <u>حتى</u> ذوى ذلك الورق. (m/s 16: baris 81)	Sehingga, sampai	X

Jadual 3: Bab 3, Siapakah Aku?

Harf al-jar	Contoh Ayat	Makna harf al-jar	Analisis kontrastif
إلى	1. فكان ينظر <u>إلى</u> أذنيها وإلى عينيها. (m/s 22: baris 112)	Sehingga, untuk, pergi, kepada , sampai, sama, serta, sehingga, ke..	✓
في	2. أدخل إصبعه <u>في</u> أذنيه. (m/s 22: baris 120)	Di dalam, ke dalam , pada waktu, di, kepada, atas, antara, serta, sementara, kali, ke, dari.	✓

Jadual 4: Bab 4, Rusa Betina Meninggal Dunia

Persamaan makna penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati sebanyak 7 ayat yang mengandungi *harf al-jar* mempunyai padanan makna yang sama apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

1. Strategi Dinamik

Disebabkan hal itu, pengkaji mengenalpasti penterjemah teks novel ini menggunakan strategi terjemahan dinamik. Hal ini amat bertepatan dengan pendapat oleh Nida (1964) yang mengatakan strategi ini lebih kepada penyalinan semula daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemahan yang sehampir ini bukan sahaja melibatkan penyalinan semua malah menfokuskan kepada makna dan gaya bahasa yang ada dalam ayat tersebut (Nida, 1964).

Melihat kepada analisis ini, kesemua terjemahan makna *harf al-jar* diterjemahkan mengikut kesesuaian konteks ayat (Luqman, 2014). Selain itu, persamaan makna yang wujud dalam strategi terjemahan ini merangkumi beberapa aspek yang diasaskan oleh (Nida, 1964) adalah seperti persamaan lawan keserupaan, persamaan terdekat, keutamaan makna, kepentingan gaya dan banyak lagi. Oleh itu,

implikasi daripada rujukan aspek strategi ini dapat mengekalkan terjemahan makna yang sejadi dengan gaya penulisan yang hampir.

No.	Harf al-jar	Terjemahan dalam bahasa Melayu
1	في	ورزقته في ظلمات الأحشاء. Engkau memberinya makan dan minum pada saat dia di dalam kegelapan perut ini.
2	حتى	تكلفت به حتى تم واستوى. Engkau telah menjamin rezekinya sehingga dia sempurna dan matang.
3	إلى	فأدخله الماء بقوته إلى أجمة ملتفة الشجر. Kekuatan air itu telah menghanyutkan bayi tersebut ke dalam hutan di pulau tersebut yang mempunyai banyak pokok.
4	في	. فوقع صوته في أذن ظبية فقد طلاها. Suara tangisannya sampai ke telinga seekor rusa betina yang baru sahaja kehilangan anak.
5	عن	وما زالت تتعهدده وتربيته وتدفع عنه الأذى. Sejak itu si ibu rusa terus mengasuh si bayi serta melindunginya daripada sebarang bahaya.
6	إلى	فكان ينظر إلى أذنيها وإلى عينيها. Dia melihat kepada kedua-dua belah telinga rusa itu dan kedua-dua biji matanya.
7	في	أدخل إصبعه في أذنيه. Dia memasukkan jari ke dalam kedua-dua belah telinga.

Jadual 5: Penterjemahan berdasarkan Strategi Dinamik

Dapatan data di atas menunjukkan makna penterjemahan mempunyai unsur atau ciri melalui aspek yang diketengahkan oleh Nida (1964). Misalnya, terjemahan makna ayat di atas “تكلفت به حتى تم واستوى”, dan *harf al-jar* “حتى” disini membawa makna “sehingga” dalam terjemahan makna ayat “Engkau telah menjamin rezekinya sehingga dia sempurna dan matang.” Dengan itu, analisis kontrastif berdasarkan strategi penterjemahan ini mengetengahkan persamaan makna akan dapat membantu para pelajar memahami dengan baik.

Perbezaan makna penterjemahan *harf al-jar* dalam Bahasa Melayu.

Analisis seterusnya adalah perbezaan makna penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu. Perbezaan makna yang ada dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua strategi iaitu strategi komunikatif dan teori relevan.

Hasilnya, pengkaji dapat mengenalpasti penterjemah menterjemahkan ayat yang mengandungi *harf al-jar* menggunakan strategi komunikatif sebanyak 3 ayat manakala teori relevan sebanyak 6 ayat.

2. Strategi Komunikatif

Strategi komunikatif ialah untuk mendapatkan makna yang sebenar daripada penulis dan dapat menghasilkan makna yang paling dekat dengan pengaruh sesiapa yang membacanya (Newmark,1981). Dalam pada itu, strategi ini bukan hanya menarik sasaran pembaca malah dapat membantu memahami bahasa sasaran dengan baik tanpa mengikut teks bahasa asal. Selain itu. Menurut Azman (2008) strategi ini dapat membawa kepada menghilangkan sebahagian makna teks bahasa sumber. Perkara ini dapat dipaparkan dalam jadual di bawah:-

No.	Harf al-jar	Terjemahan dalam bahasa Melayu
1	من	ذكر سلفنا الصالح أن هناك جزيرة من جزائر الهند متسعة. Orang-orang tua dahulu ada menyebut bahawa di antara pulau-pulau di India, terdapat sebuah pulau yang mempunyai kawasan yang luas.
2	من	كان يرى أثرابه من أولاد الأطباء قد نبت لها قرون بعد أن لم تكن. Rakan-rakannya dalam kalangan anak rusa yang sebelum ini tidak bertanduk, dilihatnya telah mulai tumbuh tanduk masing-masing.
3	إلى	كان ينظر إلى ذوي العاهات والخلق الناقص. Diperhatikan juga anak-anak rusa yang mempunyai kecacatan pada anggota badan.

Jadual 6: Penterjemahan berdasarkan Strategi Komunikatif

Berdasarkan perangkaan yang diperolehi dalam data di atas, dapatlah dilihat bahawa penterjemah memilih makna *harf al-jar* tanpa melihat persamaan bentuk bahasa sumber. Biar kita lihat contoh ayat yang pertama iaitu “ذكر سلفنا الصالح أن هناك جزيرة من جزائر الهند متسعة” *harf al-jar* “**من**” pada ayat ini diterjemahkan dengan makna “**di**” dan sepatutnya makna *harf al-jar* tersebut adalah “**dari**”, “**daripada**”, “**semenjak**” dan sebagainya. Manakala contoh ayat yang kedua adalah “كان ينظر إلى ذوي العاهات والخلق الناقص.” dan *harf al-jar* “**إلى**” pada ayat ini meletakkan makna “**pada**” sedangkan terjemahan *harf al-jar* ini bermakna “**sehingga**”, “**untuk**”, “**pergi**” dan sebagainya. Akhirnya, perbezaan makna penterjemahan *harf al-jar* dapat ditunjukkan melalui strategi terjemahan ini.

Teori Relevan

Definisi teori relevan dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986) adalah setiap tindakan komunikasi yang disampaikan dalam erti kata lain menyatakan makna terjemahan yang relevan dengan menggunakan pendekatan konteks dan kesan konteks. Walaupun strategi ini mempunyai kelemahan namun strategi ini amat membantu dalam menjelaskan tujuan asal penulis (Gutt,1991). Selain itu, pendekatan strategi ini dapat

menghasilkan makna ayat yang mengandungi *harf al-jar* yang berbeza daripada makna asal yang mana strategi ini turut menggugurkan makna *harf al-jar* atau menggantikan makna mengikut konteks ayat.

No.	Harf al-jar	Terjemahan dalam bahasa Melayu
1	ب	فصادف ذلك جري الماء بقوة المد. Pada malam itu, kebetulan air pasang penuh mengalir deras.
2	على	فما زال الطفل مع الظباء على تلك الحال. Begitulah kehidupan budak itu bersama-sama sekumpulan rusa.
3	ل	وأكثر ما كانت محاكاته لأصوات الظباء في الاستصراخ. Perkara yang paling kerap dia meniru ialah suara rusa ketika meminta tolong.
4	إلى	يرجع إلى نفسه فيرى ما به من العري. Dia memerhati dirinya sendiri yang tidak berpakaian.
5	في	صارت قوية بعد ضعفها في العدو. Sebelum ini lemah, dan kini sudah mulai kuat berlari.
6	حتى	فلم يلبث إلا يسيرا حتى ذوى ذلك الورق. Namun tidak lama kemudian, daun-daun tadi mulai layu.

Jadual 7: Penterjemahan berdasarkan Teori Relevan

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa kebanyakan makna ayat terjemahan *harf al-jar* di atas digugurkan. Sebagai contohnya, ayat ini " فلم يلبث إلا يسيرا حتى ذوى ذلك الورق." mengandungi *harf al-jar* "حتى" dan makna asalnya adalah "sehingga", dan "sampai" namun dalam strategi ini telah menggugurkan maknanya dan diterjemahkan sebagai "Namun tidak lama kemudian, daun-daun tadi mulai layu." Natijahnya, perbezaan yang ditunjukkan dalam terjemahan yang diberikan amatlah berbeza daripada makna asal penterjemahan *harf al-jar*.

Hasil dapatan analisis kontrastif ini, para pelajar mahupun penterjemah boleh berkongsi pengetahuan mengenai kajian ini kepada mereka yang masih sukar untuk membezakan atau menyamakan makna melalui penjelasan tentang persamaan dan perbezaan makna *harf al-jar* yang menggunakan strategi terjemahan.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, pengaplikasian analisis kontrastif strategi terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu amatlah signifikan untuk mengurangkan kekeliruan yang dialami oleh penterjemah dan pelajar bahasa Arab ketika menterjemahkan teks bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Berdasarkan penganalisan di atas, pengkaji dapat melihat *harf al-jar* tidak boleh diterjemahkan secara langsung atau literal mahupun

leksikal dan perlu mengikut kesesuaian ayat (Luqman, 2014). Selain itu, pengkaji juga mendapati setiap ayat yang mengandungi *harf al-jar* yang dipilih dalam novel Ibnu Yaqzan mempunyai persamaan dan perbezaan makna apabila merujuk kepada strategi penterjemahan sebagai peranti kepada penterjemah dan pelajar bahasa Arab. Oleh itu, ketiga-tiga strategi penterjemahan iaitu strategi dinamik, strategi komunikatif dan teori relevan yang digunakan amatlah bersesuaian untuk melihat persamaan dan perbezaan makna *harf al-jar* apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa penterjemahan *harf al-jar* perlu dikuasai dan difahami dengan baik oleh para pelajar mahupun penterjemah supaya dapat menterjemahkan apa-apa teks yang mengandungi *harf al-jar* dengan baik dan tepat. Dari sudut penganalisan data, analisis kontrastif strategi penterjemahan perlu diaplikasikan dalam menterjemah *harf al-jar* sebagai alat utama untuk melihat persamaan dan perbezaan makna yang wujud dalam bahasa Melayu. Bertitik tolak daripada itu, penterjemah perlu mengemukakan padanan makna *harf al-jar* yang sama berdasarkan strategi dinamik namun perlu disesuaikan mengikut ayat manakala perbezaan makna *harf al-jar* dirujuk melalui strategi komunikatif dan teori relevan. Oleh yang demikian, usaha menyampaikan mesej dan rujukan tentang penterjemahan *harf al-jar* telah dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas seperti Luqman (2014; 2017) dan Azman (2008). Oleh itu, kajian ini mencadangkan kajian penterjemahan Arab-Melayu khususnya penterjemahan *harf al-jar* terus dikaji dengan mempelbagaikan kaedah kajian dan sampel kajian oleh pengkaji akan datang. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan dapatan kajian ini dapat mengurangkan jurang kekeliruan dalam memahami *harf al-jar* dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan khususnya para penterjemah dan pelajar bahasa Arab.

Rujukan

- Aminallah, F. H. (2013). *Penterjemahan kolokasi kata kerja berpreposisi Arab-Melayu melalui Google translate* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Azman Che Mat, (2014b). *Kata Sendi Nama Bahasa Arab: Terjemahannya ke Dalam Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bassnett, S., & Lefevere, A. (1990). *undefined*. Burns & Oates.
- Blackmore III, J. H. (1992). *Fernao Lopes and the writing of history in the "Cronica de D. Joao I"*. Harvard University.
- Baharuddin, S. (2012). *Analisis kontrastif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu/Baharuddin Shahman* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Edinin, R. (2011). *Penyelidikan tindakan: Kaedah dan penulisan*. Freemind Horizons.

- Hussin, M. H., & Lubis, M. A. (2019). Adjektif Bahasa Arab Dan Melayu-Satu Analisis Kontrastif. *Jurnal Al-Fatih*, 2(2), 232-251.
- Haroon, A. R. (2010). *Penguasaan partikal" al" bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu/Ahmad Rushdi bin Haji Haroon* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Hermans, T. (2002). Paradoxes and Aporias in Translation. *Translation studies: Perspectives on an emerging discipline*, 10.
- House, J. (2009). *Translation*. Oxford.
- Jaber, H. (2016). *Contrastive syntax: Prepositions in English and in Arabic* (Doctoral dissertation, Doctoral thesis. Beirut Arab University, Lebanon).
- Lafevere A. (1992). Translation, rewriting and the manipulation of literary fame. London: Routledge.
- Lörscher, W. (2005). The translation process: Methods and problems of its investigation. *Meta: journal des traducteurs/Meta: Translators' Journal*, 50(2), 597-608.
- Luqman, M. I. H. B. M. (2017). Saad dan Marahaini Ahmad. "Ad-Dirasah ad-Dilaliyah fi Tarjamah Huruf al-Jarr al-,Arabiyah ila al-Lughah al-Maliziyah". *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 4(2).
- Muhamad, I., & Mat, A. C. (2010). Memaknakan terjemahan frasa sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu berdasarkan ilmu sintaksis-semantik. *Islamiyyat*, 32, 115-134
- Mat, A. C. (2014). Model of translating preposition (MTP) of Arabic into Malay. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23), 2420.
- Muhammad, A. (1994). *Panduan menterjemah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2012). Strategi Penterjemahan Kata Sendi Nama Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Diskriptif Dan Semantik Dalam Novel "Masrur Dan Makrur". Ijazah Sarjana: Universiti Malaya.
- Moleong Lexy, J. (2007). *Qualitative Research Methodology*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Munday, J. (2009). *The Routledge companion to translation studies*. Routledge.
- Muhammad Firdaus, Abdul Manaf & Maheram Ahmad. (2015). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8(2): 192-210
- Mohd Shahrizal, N., & Kamarul Shukri, M. T. (2012). Terjemahan Huruf Jar? Min? dalam al-Qur? an al-Karim Mushaf Tajwid: Analisis Terhadap Surah al-Baqarah
- Mat, A. C., & bin Nokman, A. Z. (2016). Translation of rhetoric in Arabic preposition in the text of Al-Qur'an. *Humaniora*, 7(3), 287-292.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of translation*. Prentice Hall.

- Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2013). Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu Ke Bahasa Arab. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) pada 13 November 2013
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translation*. Leiden: Brill.
- Omar, W. A. H. W., & Mansor, I. (2019). Pemerhatian terhadap terjemahan teks sejarah Islam ke dalam bahasa melayu. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 265-281.
- Omar, H. C., & Awang, R. (Eds.). (2009). *Kelestarian bidang penterjemahan*. ITBM.
- Rashid, S. K. M., & Zainal, H. (2013). Kajian Kontrastif terhadap Gaya Bahasa al-Tawkid antara Bahasa Melayu dan Bahasa Arab/A Contrastive Study of Language Style al-Tawkid between Malay and Arabic Languages. *Islamiyyat*, 35(2), 19.
- Sa, M. L. I. H. M., Hajimaming, P., & Hamzah, Z. A. Z. (2014). Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18(2).
- Saja, I., Ahmad, M., & Zailani, S. (2018). Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastra Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(1), 21-32.
- Shiyab, S. M. (2006). *A textbook of translation: Theoretical and practical implications*. Maklu.
- Snell-Hornby, M. (1990). Dynamics in meaning as a problem for bilingual lexicography. *Meaning and Lexicography*, 209-226.
- Teh, K. S. M. (2014). Analisis Kontrastif Hubungan Kata Kerja Transitif dan Objek Dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *ULUM ISLAMIYYAH: Malaysian Journal of Islamic Sciences*.
- Universiti Malaysia Kelantan, P. P. B. P. I. (2015). Projek Karnus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab 2015*, 72-77.
- Wilson, D., & Sperber, D. (2002). Relevance theory.
- Yu, M., Sha, H., Gao, Y., Zeng, H., Zhu, M., & Gao, X. (2006). Alternative 3' UTR polyadenylation of Bzw1 transcripts display differential translation efficiency and tissue-specific expression. *Biochemical and biophysical research communications*, 345(1), 479-485.